

Wanita lebih ramai di IPT, tetapi lelaki kuasai pasaran kerja

Graduan wanita didiskriminasi

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sikap majikan mengamalkan diskriminasi jantina menyebabkan jurang ketara

antara pekerja lelaki dan wanita meningkat 39 peratus meskipun golongan hawa mendominasi bilangan graduan institusi pengajian tinggi (IPT).

Perangkaan semasa menun-

jukkan hanya 5.83 juta wanita berada dalam sektor pekerjaan berbanding 9.13 juta lelaki. Setiap tahun lebih 190,000 graduan wanita atau 52 peratus menamatkan pengajian IPT de-

ngan menggenggam ijazah dan diploma berbanding sebanyak 136,058 graduan lelaki.

Bersambung di muka 2

Graduan wanita didiskriminasi

Dari muka 1


Ketidakseimbangan itu berlaku disebabkan majikan memberi pelbagai alasan 'menyusahkan' dan tidak mahu menanggung risiko kerugian apabila mengambil pekerja wanita seperti menanggung pelbagai kos perubatan bersalin selain cuti selama 98 hari atau lebih tiga bulan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor berkata, jurang itu berpunca sikap majikan dan syarikat yang mengamalkan diskriminasi dalam pengambilan pekerja wanita berbanding lelaki.

Katanya, perkara itu berlaku kerana mereka tidak mahu menanggung risiko kerugian selepas menerima pekerja wanita yang dilihat 'menyusahkan' khususnya selepas berkeluarga apabila terpaksa memberi bercuti bersalin selama 98 hari atau lebih tiga bulan.

"Semua majikan ingin mengejar keuntungan. Apabila ambil pekerja wanita, kenalah pula beri kemudahan seperti menanggung kos rawatan bersalin dan sebagainya, ini tidak termasuk kos lain-lain seperti rawatan anak dan sakit puan. Selain itu, ada persepsi bahawa wanita tidak mampu seperti lelaki dalam melakukan tugas syarikat.

"Segalanya berbalik kepada diskriminasi yang dilakukan majikan untuk mengambil pekerja apabila lebih mengutamakan lelaki berbanding wanita. Sikap ini menyebabkan tenaga buruh dikuasai lelaki meskipun produk graduan wa-



DISKRIMINASI terhadap wanita jika dibiarkan terus berlaku akan menyebabkan negara kehilangan bakat daripada golongan itu.

nita lebih ramai," katanya.

Sebelum ini, Khazanah Research Institute (KRI) melahirkan kebimbangan berhubung kadar penyertaan dalam tenaga kerja yang rendah dan kadar pengangguran tinggi dalam kalangan golongan wanita berbanding lelaki.

Situasi itu berlaku di sebalik penyertaan golongan berkecukupan yang 15 peratus lebih tinggi di segala peringkat pendidikan berbanding lelaki.

Sehubungan itu, Abdul Halim menggesa kerajaan mengkaji semula dasar dan akta pekerja dengan menetapkan kuota pengambilan pekerja wanita antara 30 hingga 40 peratus sepertimana dilakukan negara maju bagi mengurangkan jurang jantina dalam sektor tenaga buruh.

"Bukan sahaja dasar 30 peratus wanita pembuat dasar kena patuhi, tetapi perlu melibatkan sama pengambilan pekerja," tegas beliau.

Katanya, kerajaan perlu mewujudkan undang-undang khusus untuk melindungi wanita daripada amalan dan dasar diskriminasi oleh majikan dan syarikat terhadap golongan tersebut khususnya bagi mereka yang sudah berkeluarga.

"Ada majikan khususnya syarikat penerbangan menetapkan pramugari tidak boleh bekerja selepas bersalin dan tidak menyambung kontrak pekerja. Ini adalah salah satu contoh diskriminasi kepada wanita. Tetapi ini tidak berlaku dalam syarikat-syarikat penerbangan luar negara," ujarnya.